

06 SEP 2002

MAHATHIR-MSK/I

PANEL IAP SETUJU BANTU INISIATIF E-KERAJAAN MALAYSIA

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menghadiri mesyuarat tahun ini komited untuk membantu sektor awam dan swasta Malaysia agar inisiatif negara ke arah kerajaan elektronik akan memberi kesan lebih besar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa yang sama, ada juga cadangan supaya syarikat global dengan hubungan di seluruh dunia bekerjasama dengan syarikat Malaysia bagi memasarkan produk buatan tempatan di peringkat antarabangsa.

"Sebagai contoh, Oracle telah membantu syarikat tempatan memasarkan perisian pengurusan lapangan terbang kepada lapangan terbang Fort Worth, salah satu lapangan terbang terbesar di Amerika Syarikat. Jadi, keupayaan Malaysia agak jelas di sini," kata Dr Mahathir yang mempengerusikan IAP, memberitahu sidang media pada akhir hari kedua mesyuarat keenam MSC-IAP di Cyberlodge View, di sini hari ini.

Mesyuarat tahunan ini disertai 26 peserta yang terdiri dari 14 anggota IAP dan 12 wakil yang kebanyakannya datang dari syarikat-syarikat ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) bertaraf dunia.

Mereka dijemput untuk memberikan rundingan kepada kerajaan dalam membangunkan MSC.

Mengulas mengenai mesyuarat hari ini, Dr Mahathir berkata beliau selalunya mengadakan pertemuan satu dengan satu dengan para peserta untuk membincangkan isu-isu tertentu dan peranan yang boleh mereka mainkan.

Pertemuan ini membolehkan beliau menyatakan bentuk sokongan kerajaan yang boleh diberikan kepada syor atau cadangan yang dikemukakan mereka, katanya.

Antara yang dibincangkan hari ini dengan wakil dari Microsoft yang memperkenalkan komputer kecil "tablet", adalah bagaimana ia boleh digunakan oleh pelajar untuk membaca, termasuk buku-buku teks.

"Kami telah lama mencadangkan projek ini, tetapi hingga kini, tiada model yang mempunyai fungsi yang sesuai untuk digunakan sebagai pengganti buku teks dan buku latihan," katanya.

Apabila ditanya apa akan berlaku kepada inisiatif MSC selepas persaraan beliau menjelang Okt. 2003, Dr Mahathir berkata: "Tiada saya, pasukannya terus ada. Masih ada orang dan mereka telah banyak belajar. Mereka tahu kerja mereka. Mereka boleh menjalankannya tanpa saya. Saya bukan orang yang melakukan semua perkara".

Tetapi, katanya, beliau bersedia untuk bertindak sebagai pemangkin dengan menghadiri persidangan yang berkaitan dengan pembangunan MSC. Tetapi, bukan sebagai pengerusi IAP.

"Saya akan datang jika dijemput dan jika saya dibenar sertai, saya akan turut serta. Tetapi bukan mempengeruskannya. Ia adalah tanggungjawab perdana menteri (akan datang)... bukan saya."

Adalah lebih baik perdana menteri yang memegang jawatan pengerusi IAP, katanya.

"Saya tidak mahu masuk campur dalam urusan kerajaan. Apabila saya keluar, saya keluar," katanya. -- BERNAMA

WNZ SHY JR